

Politiking belenggu rakyat sepanjang tahun – Aaron Ago Dagang

MalaysiaGazette® SPROUT YOUR MIND

June 14, 2023 | 4:59 am



KUALA LUMPUR – Budaya mempolitikkan segala isu di Malaysia perlu dihentikan kerana ia hanya memecahbelahkan rakyat dan menjelaskan perpaduan masyarakat di negara ini.

Menteri Perpaduan Nasional, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, budaya itu atau politiking masih membenggung masyarakat Malaysia sepanjang tahun.

"Politik ini tak payahlah, kalau perpaduan tiada politik."

"Bila kita politik kita akan berpecah-belah, ia memudaratkan perpaduan."

"Sebab itu sampai sekarang apa yang berlaku disebabkan politiking."

"Sentuh isu kaum hingga menjelaskan rakyat," katanya kepada pemberita di Arkib Negara Malaysia (ANM), di sini, hari ini.

Terdahulu Aaron merasmikan Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2023.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim.

Sementara itu, Aaron berkata, Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa yang bermula pada 9 hingga 16 Jun ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya generasi muda terhadap peranan dan kepentingan institusi arkib dan bahannya.

"Ini Warisan Kita dalam usaha memelihara dan melestarikan bahan arkib sebagai warisan khazanah negara untuk menyemai dan memupuk serta menyemarakkan rasa cinta kepada negara," katanya lagi. – MalaysiaGazette